

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan satu program elaun bulanan yang memberikan manfaat kepada pencari kerja baharu khususnya dalam kalangan belia sebagaimana dilaksanakan di Australia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa kini, Kementerian Sumber Manusia belum ada cadangan untuk memberi elaun bulanan yang memberi manfaat kepada pencari kerja baharu khususnya dalam kalangan belia sebagaimana dilaksanakan di Australia kerana ia akan membebankan Kerajaan dari segi kewangan yang sangat besar.
2. Namun begitu, Kerajaan bersedia mengkaji semula dengan teliti cadangan YB Pasir Puteh ini berdasarkan keadaan ekonomi semasa.

Sekian, terima kasih.